

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025
SET 1**

1	(a)	(i)	Maksud <i>sunnatullah</i> ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut . (1m)	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu ialah: P1 Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu. P2 Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu. P3 Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan.	2 isi X 1m = 2m
			<p>Cadangan isi (Sebab) :</p> <p>P1 Pengabaian terhadap ajaran agama P2 Kehilangan identiti Islam (terlalu mengikut budaya barat) P3 Gejala sosial dan keruntuhan akhlak</p> <p>Pengabaian terhadap ajaran agama (I) kerana masyarakat melebihkan hiburan berbanding mengutamakan agama dalam kehidupan mereka(H). Hal ini demikian, menyebabkan mereka jauh daripada rahmat Allah dan gagal mencontohi umat yang berjaya(HL). Kesimpulannya, masyarakat perlulah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian agar menjadi umat yang berjaya. (K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

	(b)	(i)	Maksud potongan hadis yang bergaris ialah i- Perempuan / isteri ii- Pemimpin	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua tanggungjawab isteri terhadap keluarga ialah P1 Mentaati perintah suami dan menunaikan haknya. P2 Menjaga maruah diri, suami dan keluarga. P3 Memelihara dan mendidik anak-anak. P4 Menguruskan rumah tangga. **Mana-mana jawapan munasabah diterima.	2 isi X 2m = 4m
		(iii)	Cadangan isi (Cara) : P1 Merancang jadual dengan lebih efektif P2 Melibatkan diri dalam aktiviti keluarga terutama waktu lapang. P3 Mengurus masa dengan bijak Seorang suami boleh mengurus masa secara bijak (I) untuk meluangkan masa bersama ahli keluarga walaupun sibuk bekerja (H). Hal yang demikian , masa bersama keluarga tetap ada walaupun sibuk dengan kerja (HL). Kesimpulannya , seorang suami yang bertanggungjawab perlulah sentiasa peka terhadap keperluan keluarga supaya agar rumah tangga sentiasa dilimpahi dengan mawaddah dan rahmah.(K)	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m
	(c)		P1 <i>Mad Lazim Kalimi Mukhafaf</i> [1m] ialah huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang <i>tidak bertasydid</i> dalam satu kalimah / (1m) dan <i>tidak dibaca</i> secara idgham.(1m) P2 <i>Mad Lazim Kalimi Musaqqal</i> [1m] ialah huruf mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang <i>bersyaddah</i> dalam satu kalimah / (1m) dan <i>dibaca secara idgham</i> .(1m)	2 isi X 1m = 2m

2	(a)	<p>(i) Maksud <i>al-Syahid</i> ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha menyaksikan [1M] segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk [1M] / serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya [1M].</p>	2 isi X 1m = 2m
		<p>(ii) Dua bukti Allah SWT bersifat <i>al-Syahid</i> ialah</p> <p>P1 Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah saw ke atas umatnya.</p> <p>P2 Allah SWT menyaksikan dan menghitung segala amal perbuatan manusia.</p> <p>P3 Allah SWT sahaja yang menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau yang tersembunyi.</p> <p>P4 Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik.</p>	2 isi X 2m = 4m
		<p>(iii) Cadangan isi (sebab) :</p> <p>P1 Iman yang tipis dalam diri individu kerana kurang penghayatan agama</p> <p>P2 Terpengaruh dengan rakan yang sering melakukan perbuatan dosa.</p> <p>P3 Sikap angkuh dan sompong kerana pangkat, harta atau gelaran.</p> <p>P4 Memandang ringan dengan peringatan azab Allah SWT di akhirat kelak</p> <p>Iman yang tipis lantaran kurangnya penghayatan agama dalam diri individu muslim (I) kerana pengaruh media sosial yang menjurus ke lembah maksiat (H). Hal yang demikian akan menjadikan individu tersebut merasa bebas untuk melakukan dosa tanpa rasa bersalah (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mempertingkatakkan keimanan dalam diri dengan istiqamah melakukan amal soleh supaya terhindar daripada terus hanyut melakukan kancanah maksiat dan dosa.(K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

	(b)	(i)	Maksud iman terbatal melalui perkataan ialah percakapan yang mengandungi pengakuan kufur [1M] atau penafian akidah islam / [1M] atau mempersendakan hukum-hukum Islam [1M]	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Kesan melakukan perkara yang membatalkan iman ialah P1 Rosak segala amalan soleh dan ibadah yang dilakukan. P2 Diharamkan memasuki syurga, sebaliknya akan kekal di dalam neraka. P3 Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga muslim. P4 Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam.	1 isi X 2m = 2m
		(iii)	Cadangan isi : P1 Mendalami ilmu akidah islam supaya dapat mendalami batas iman dan kufur P2 Bersahabat dengan orang soleh agar dapat membimbing diri kepada kebaikan. P3 Melakukan amal soleh agar mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya . P4 Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. P5 Berdoa dan memohon petunjuk Allah SWT agar sentiasa istiqamah di atas agama islam . P6 Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT agar dosa-dosa diampunkan Allah SWT. Mendalami ilmu akidah yang sahih berdasarkan manhaj akidah ahli sunnah wal jamaah [I] agar dapat membezakan batas iman serta kufur.[H]	1 isi X 2m = 2m Isi + Huraian
		(iv)	Cadangan isi [kesan] : P1 Masyarakat hidup bermusuhan P2 Masyarakat saling menghina antara satu sama lain P3 Masyarakat tidak menghiraukan adat kaum lain P4 Hubungan dalam kalangan masyarakat tidak harmoni Masyarakat hidup bermusuhan [I] kerana tidak memahami budaya orang lain [H]. Kesannya , masyarakat akan hidup dalam keadaan tidak harmoni [HL]. Kesimpulannya , kita hendaklah ambil cakna dalam memelihara perpaduan antara kaum agar hidup dirahmat Allah SWT.[K]	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

3	(a)	(i)	Maksud haji <i>Tamattuk</i> ialah mengerjakan umrah dahulu dalam bulan haji, [1M] kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama.[1M]	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua kaifiat melaksanakan haji <i>Tamattuk</i> P1 Niat Ihram P2 Wukuf di Arafah P3 Bermalam di Muzdalifah P4 Bermalam di Mina P5 Melontar jamrah P6 Tawaf P7 Saie P8 Bergunting	2 isi X 1m = 2m
		(iii)	Cadangan isi [kesan] : P1 Menjadi beban kepada golongan berpendapatan rendah. P2 Memberi kesan kepada mutu perkhidmatan kepada jemaah. P3 Tabung Haji/ Agensi Pengurusan Umrah terpaksa menampung apa-apa kenaikan kos yang berlaku. P4 Hasrat jemaah tertangguh untuk menunaikan umrah. Menjadi beban kepada golongan yang berpendapatan rendah (I) kerana tidak mempunyai wang yang cukup untuk menunaikan umrah.(H) Kesannya hasrat mereka tertangguh.(HL) Kesimpulannya ialah kita hendaklah membudayakan amalan menabung sejak dari kecil lagi agar boleh diguna semasa diperlukan.(K)	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m
	(b)	(i)	Maksud wali ialah orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.[2M]	1 isi X 2m = 2m
		(ii)	Sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim ialah P1 Tidak mempunyai wali nasab. P2 Wali nasab berada jauh melebihi dua marhalah. P3 Wali hilang dan tidak dapat dikesan. P4 Saudara baharu (muallaf) yang tiada wali nasab yang layak. P5 Anak tidak sah taraf. P6 Wali dalam ihram haji atau umrah. P7 Wali enggan mewalikan pernikahan. P8 Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan tersebut	2 isi X 1m = 2m

	(c)	(i)	Maksud talak ialah pembubaran perkahwinan oleh suami [1M] dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan.[1M]	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Contoh lafaz talak ialah P1 “Aku ceraikan engkau”. P2 “Aku lepaskan engkau mulai hari ini”. P3 “Baliklah engkau ke rumah ibu bapa engkau”.	1 isi X 2m = 2m
		(iii)	<p>Cadangan isi [Sebab] :</p> <p>P1 Memberikan peluang kepada suami dan isteri yang tidak bersefahaman.</p> <p>P2 Sebagai jalan penyelesaian kepada pasangan yang sering bertengkar.</p> <p>P3 Memberi peluang mencari penghidupan baru.</p> <p>P4 Memberi peluang kepada suami isteri menginsafi kesalahan.</p> <p>Sebagai jalan penyelesaian kepada pasangan yang sering bertengkar (I) kerana sudah tidak sefahaman.(H) Kesannya suami isteri tidak akan mengalami tekanan perasaan.(HL) Kesimpulannya ialah kita hendaklah mengikut panduan yang telah digariskan dalam Islam agar hidup dirahmati Allah SWT. (K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

4	(a)	<p>(i) Dua ciri kepimpinan Saidina <i>Umar al-Khattab</i> ialah :</p> <p>P1 Tegas P2 Berfikiran terbuka P3 Adil P4 Cekap</p>	2 isi X 1m = 2m
		<p>(ii) Dua pencapaian pada zaman pemerintahan Khalifah <i>Umar al-Khattab</i>. ialah:</p> <p>P1 Menyebarluaskan dakwah Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir/ Parsi dan Rom. P2 Menubuhkan Majlis Syura/ jabatan tentera, jabatan polis/ jabatan percukaian/ dan jabatan perbendaharaan negara. P3 Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah/ dan kharaj. P4 Memajukan sistem pengairan/ dan saliran melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin/ dan empangan Abu Musa di Basrah. P5 Mengemas kini institusi Baitul Mal/ dan meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian. P6 Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah. P7 Memperkenal undang-undang pentadbiran tanah untuk menghormati hak sosial / dan menjaga kebajikan rakyat. P8 Membina kemudahan awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian. P9 Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq. P10 Membuka Baitul Maqdis, Palestin dan Mesir.</p>	2 isi X 2m = 4m
		<p>(iii) Cadangan isi (kesan) :</p> <p>P1 Dakwah Islam tidak berkembang P2 Masyarakat hidup huru-hara P3 Hidup dalam kesesatan</p> <p>Dakwah Islam tidak berkembang (I) kerana tiadanya panduan agama yang jelas .(H) Kesannya, negara akan huru-hara.(HL) Kesimpulannya, kita hendaklah mencontohi keunggulan Khulafa' ar-Rasyidin agar membentuk negara yang sejahtera.(K)</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

	(b)	(i)	<p>Riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi ialah:</p> <p>P1 Nama Penuh: Yusuf bin Ayub bin Syazi</p> <p>P2 Tarikh Lahir: 532 H</p> <p>P3 Tarikh Meninggal Dunia: 589 H</p> <p>P4 Jawatan: Pemerintah bagi Kerajaan Al-Ayyubiyyah</p> <p>P5 Ketinggian Akhlak:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghormati para ulama. - Berani mempertahankan agama. - Prihatin terhadap kebajikan rakyat. <p>P6 Guru yang tersohor:</p> <p>Ali bin Al-Hassan bin Hibbatullah bin Asakir Ad-Damsyiqi.</p>	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua sumbangan beliau dalam sejarah tamadun Islam ialah :</p> <p>P1 Membebaskan Batul Maqdis daripada penguasaan Tentera Salib.</p> <p>P2 Mengembalikan semula pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam sistem pendidikan.</p> <p>P3 Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikan sebuah hospital yang dinamakan Al-Bimaristan Al-Atiq</p> <p>P4 Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit.</p>	2 isi X 2m = 4m
		(iii)	<p>Dua iktibar daripada keunggulan tokoh di atas:</p> <p>P1 Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu [I] agar menjadi bukti kecintaan terhadap ilmu.[H]</p> <p>P2 Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiyah [I] agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.[H]</p> <p>P3 Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki [I] agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.[H]</p> <p>P4 Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti [I] supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.[H]</p> <p>P5 Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara [I] supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa.[H]</p>	2 isi X 2m = 4m P + Isi = 1m Huraian = 1m

5	(a)	<p>Dua aspek adab terhadap orang sakit ialah :</p> <p>P1 Aspek ibadah P2 Aspek emosi P3 Aspek fizikal</p>	2 isi X 1m = 2m
	(ii)	<p>Dua adab hikmah beradab terhadap orang sakit :</p> <p>P1 Menggembirakan pesakit (I) agar hatinya tenang menempuh ujian. (H) P2 Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat (I) agar hidup harmoni(H) P3 Melahirkan keinsafan (I) kerana diberikan nikmat kesihatan. (H)</p> <p>**Mana-mana jawapan munasabah di terima.</p>	2 isi X 2m = 4m Isi = 1m Huraian = 1m
	(iii)	<p>Cadangan isi (Cara) :</p> <p>P1 Mendoakan kesembuhan / kesihatan ibu bapa P2 Memberikan semangat dan motivasi P3 Membantu ibu bapa melakukan ibadah P4 Memastikan tempat / tubuh badan ibu bapa bersih P5 Membawa / memastikan ibu bapa mendapat rawatan P6 Menyediakan keperluan/kemudahan</p> <p>Memberikan semangat dan motivasi (I) agar mereka sentiasa sabar dan reda.(H) Kesannya dapat menggembirakan mereka dalam menghadapi ujian Allah SWT. (HL) Kesimpulannya, kita hendaklah beradab terhadap pesakit agar mereka cepat sembuh.</p>	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

	(b)	(i)	Maksud alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup [1M] yang terdapat di sekeliling manusia.[1M]	2 isi X 1m = 2m
		(ii)	Dua adab menjaga alam sekitar ialah : P1 Sentiasa mengekalkan ekosistem /flora fauna. P2 Sentiasa memelihara/ memulihara alam sekitar. P3 Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan/ kebersihan dalam sekitar. P4 Sentiasa berhemah menggunakan sumber air P5 Sentiasa mengamalkan cara hidup mesra alam P6 Sentiasa menjaga kelestarian alam	2 isi X 2m = 4m
		(iii)	Cadangan isi (cara) : P1 Menerapkan pendidikan alam sekitar P2 Menguatkuasakan undang-udang P3 Melalui kempen cintai sungai P4 Menjadikan sungai tempat tarikan pelancongan Menerapkan pendidikan alam sekitar pada peringkat kanak-kanak lagi(I) agar kesedaran memelihara alam dapat dipupuk dalam kalangan rakyat. (H). Kesannya , pencemaran alam sekitar dapat diatasi. (HL). Kesimpulannya , kita hendaklah menjaga kelestarian alam sekitar untuk dimanfaatkan generasi akan datang.(K)	I = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT